

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah cadangan pengubahsuaian utama yang dipertimbangkan oleh Kerajaan terhadap projek kereta api berkelajuan tinggi ataupun 'High Speed Rail' (HSR) berbanding cadangan mahupun pelan yang terdahulu yang telah ditangguhkan sehingga 31 Disember 2020.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura atau HSR telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Singapura semasa Pemukiman Pemimpin (Leaders' Retreat) Malaysia - Singapura pada 19 Februari 2013. Mantan Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan penangguhan pelaksanaan projek HSR dan persetujuan penangguhan projek HSR bersama kerajaan Singapura telah dicapai pada 5 September 2018.
2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 April 2020 telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan projek HSR. Susulan itu, Kerajaan Singapura bersetuju agar tempoh rundingan bagi perjanjian dua hala di antara kedua-dua negara dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.
3. Proses rundingan dengan Kerajaan Singapura masih berjalan. Sehubungan itu, maklumat terperinci projek masih dibincangkan untuk perjanjian dua hala antara kedua-dua negara dimuktamadkan pada 31 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.